

05/05/2002

Malaysia papar imej sebenar negara Islam

SEPANG: Malaysia adalah negara yang berjaya memaparkan imej sebenar Islam kepada dunia dan wajar dicontohi negara Islam lain, kata Menteri Wakaf dan Hal Ehwat Islam Maghribi, Dr Abdelkebir Alaoui M'Dagri.

Dr Abdelkebir berkata, Malaysia sudah membuktikan kepada masyarakat antarabangsa bahawa negara Islam bukan bersifat ganas, tidak demokratik dan mundur seperti yang digambarkan pihak tertentu selama ini.

"Malaysia memaparkan imej sebenar sebuah negara Islam. Malaysia membuktikan Islam adalah bersesuaian dengan demokrasi dan pembangunan.

"Islam adalah agama keamanan, kesederhanaan dan kemajuan. Setiap negara Islam perlu memaparkan imej ini," katanya ketika ditemui sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini, semalam.

Beliau mengetuai delegasi Maghribi ke Muktamar Ketujuh Menteri-Menteri Waqaf dan Hal Ehwat Islam Ketujuh di Kuala Lumpur. Ketibaan beliau disambut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Dr Abdelkebir berkata, penganjuran muktamar kali ini amat bertepatan dengan masanya ketika umat dan negara Islam di seluruh dunia dikaitkan dengan keganasan berikutan peristiwa serangan terhadap Amerika Syarikat pada September tahun lalu.

Katanya, muktamar ini adalah forum terbaik bagi pemimpin negara Islam menunjukkan kepada dunia imej Islam yang sebenar ketika masyarakat antarabangsa tertanya-tanya mengenai Islam.

"Masyarakat antarabangsa ingin tahu apakah imej sebenar Islam... dan resolusi muktamar ini akan memaparkan pendirian dan kedudukan yang Malaysia wakili," katanya.

Sementara itu, Abdul Hamid berkata Malaysia akan berkongsi pengalaman dengan negara Islam lain berhubung pendekatan dakwah dan menangani golongan pelampau pada persidangan kali ini.

Abdul Hamid yang juga pengerusi muktamar berkata, beliau akan menyampaikan kertas kerja bertajuk "Ad-Da'wah dan Ekstrimisme: Pengalaman Malaysia" pada sesi perbincangan pada hari kedua muktamar itu.

"Kita mahu berkongsi pengalaman kita dengan negara Islam lain kerana sejak kebelakangan ini Islam dikaitkan dengan pelbagai perkara negatif," katanya.

Persidangan tiga hari yang bermula esok di Hotel Istana akan dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pula akan menyampaikan ucapan pada hari kedua muktamar..

Abdul Hamid berkata, sebanyak sembilan kertas kerja berkaitan hal ehwal Islam akan dibentang beberapa negara peserta.

Katanya, sehingga kini 42 daripada 57 negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) sudah mengesahkan penyertaan.

Ini adalah kali pertama muktamar yang bertujuan membentuk kerja sama dan penyelarasan di kalangan negara Islam dalam urusan wakaf dan hal ehwal Islam sejak 1979 itu dilangsungkan di Malaysia.

(END)